

03/03/2000

Kerajaan akan kaji program Astro: PM

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan akan mengkaji sama ada kemasukan program asing yang disiarkan menerusi stesen satelit Astro, mempengaruhi rakyat tempatan atau tidak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu melihat dulu apakah kemasukan program asing yang boleh dipertontonkan oleh rakyat Malaysia itu, memberi kesan buruk atau sebaliknya.

"Kerajaan nak kena kaji, tengok sama ada dia mempengaruhi rakyat Malaysia ataupun tidak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar pengurusan Asean anjuran Persekutuan Ekonomi Kansai (Kankeiren), Jepun di sini, hari ini.

Beberapa tokoh masyarakat, karyawan dan budayawan tempatan mendesak kerajaan mengawal kemasukan program asing yang disiarkan oleh Astro.

Mereka bimbang kesan penyiaran program asing itu terhadap perpaduan kaum yang sudah lama dipupuk serta kemungkinan memberi kesan buruk terhadap hala tuju serta jati diri bangsa pada masa depan.

Stesen yang mempunyai 29 saluran televisyen untuk kira-kira 310,000 pelanggannya sekarang, menawarkan tiga pakej iaitu pakej dunia, pakej filem dan pakej Dinasti.

Pakej Dinasti khusus menyiarkan program berbahasa Cina iaitu Astro AEC, TVBS Asia, Phoenix dan Astro Wah Lai Toi di samping saluran berita stesen tempatan dan hiburan yang turut disiarkan menerusi pakej lain.

Siaran berita TVBS misalnya dipancarkan dari Hong Kong dan kebanyakan beritanya mengenai perkembangan di China berikutan bekas tanah jajahan itu kini sebahagian daripada tanah besar.

Tokoh-tokoh masyarakat dan budayawan tempatan bimbang sogokan berterusan program dan berita mengenai China boleh menyebabkan penonton saluran itu bukan saja tidak lagi mengindahkan perkembangan dalam negeri, malah terpengaruh dengan pemikiran rakyat negara terbabit.

Mengenai kebimbangan ini, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengkaji sejauh manakah perkara itu memberi kesan buruk kepada rakyat tempatan.

(END)